

Bungkusan 'istimewa' dari Belanda

5 Disember 2017

Kota Kinabalu: Cubaan menyeludup menggunakan kiriman pos bagi membawa dua bungkusan pil Ekstasi disorokkan di dalam bagasi dipatahkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah, dalam rampasan di Cawangan Bungkusan Pos Kota Kinabalu, di sini, Selasa lalu.

Dalam rampasan jam 12 tengah hari Selasa lalu itu, dua bungkusan plastik berisi pil itu dianggarkan seberat 4 kilogram terbabit ditemui di dalam beg bagasi berisi barangan terpakai.

Pengarah JKDM Sabah, Datuk Hamzah Sundang berkata, semua dadah ditemui sepasukan pegawai kastam hasil pemeriksaan menggunakan mesin pengimbas di lokasi berkenaan.

"Hasil pemeriksaan menggunakan mesin pengimbas, kami dapati ada

Bungkusan 'istimewa' dari Belanda



HAMZAH (dua dari kanan) bersama pegawainya menunjukkan pil yang dirampas, semalam.

imej mencurigakan di dalam bagasi yang disimpan di dalam kotak besar itu.

"Kami menemui bungkusan hitam mengandungi da-

dah terbabit di dalam ruang rahsia beg berkenaan," katanya pada sidang media di Wisma Kastam Sabah, di sini, semalam.

Hamza berkata, bungkusan itu dipercayai dikirim dari Belanda dan barangan pakaian terpakai itu dipercayai untuk mengaburi mata

pihak berkuasa.

"Bungkusan dialamatkan ke Sandakan namun ia perlu dibawa ke Kota Kinabalu terlebih dulu bagi tujuan pemeriksaan.

"Susulan rampasan itu, kami menahan seorang lelaki tempatan berusia 54 tahun yang datang ke lokasi kejadian bagi menuntut bungkusan," katanya.

Beliau berkata, suspek di-reman untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati jika disabitkan kesalahan.

"Rampasan ini yang pertama oleh JKDM Sabah membabitkan cubaan menyeludup dadah menerusi bungkusan pos tahun ini," katanya.